

Headline **FRIM galak penanaman gaharu**
Date **16 Nov 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S14**
Article Size **342 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,881**
PRValue **5,643**



FRIM galak penanaman gaharu

KUALA LUMPUR – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menggalakkan rakyat di negara ini mengusahakan tanaman gaharu kerana ia mempunyai permintaan yang tinggi dalam pasaran dunia.

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) FRIM, Datuk Dr Abdul Rashid Abdul Malik berkata, daripada segi pasaran dunia, permintaan ke atas gaharu mencecah 4,500 juta tan setahun.

Menurutnya, antara permintaan tertinggi datang daripada Timur Tengah kerana gaharu digunakan dalam penghasilan minyak atar yang sangat popular dalam kalangan rakyat di sana.

"Dengan jumlah gaharu sebanyak itu, kira-kira 460 juta botol minyak atar dapat dihasilkan daripadanya dan bagi 12 mililiter harganya adalah kira-kira RM500.

"Anggaran RM18 bilion untuk pasaran minyak atar sahaja, jadi rakyat Malaysia

seharusnya mengambil peluang keemasan ini," katanya kepada Sinar Harian ketika ditemui selepas merasmikan Seminar Penanaman dan Perdagangan Gaharu 2009 di sini, kelmarin.

Beliau berkata, memandangkan pokok karas di hutan sentiasa ditebang bagi mendapatkan gaharu, bekalannya semakin berkurangan dan semakin hari semakin pupus.

Katanya, salah satu daripada cara untuk mengelakkan gaharu daripada pupus adalah dengan menggalakkan penanamannya bagi mengelakkan kebergantungan terhadap bekalan dari hutan semata-mata.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Persatuan Gaharu Malaysia berkata, masih tidak ramai rakyat negara ini yang mengusahakan tanaman gaharu secara besar-besaran.

"Saya minta kalau boleh Agrobank mainkan peranan lebih aktif daripada segi menyediakan peruntukkan atau pinjaman kepada pen-

gusaha tanaman gaharu terutamanya di kawasan kampung.

"Mungkin boleh diwujudkan satu dana khusus bagi membantu masyarakat kampung yang memiliki tanah untuk mengusahakan tanaman gaharu," katanya.

Dr Abdul Rashid berkata, Persatuan Gaharu Malaysia memainkan peranannya dengan memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada ahli-ahli persatuan itu daripada segi teknologi penanaman, pengeluaran dan penanaman gaharu.

Katanya, apa yang menjadi masalah pada hari ini ialah tiada tahap piawaian khusus dan standard untuk menentukan gred gaharu sehingga menimbulkan masalah daripada segi harganya.

"Pembekal dan pembeli mempunyai kriteria yang tersendiri namun bagi menyelesaikan masalah ini FRIM sedang cuba menetapkan satu kriteria khusus

untuk selaraskannya.

"Bagaimanapun proses ini akan mengambil masa sedikit sebab kita kena buat kajian mendalam terlebih dahulu ke atas gaharu bagi menentukan grednya," katanya.

Mengulas mengenai Seminar Penanaman dan Perdagangan Gaharu 2009, beliau berkata, tujuan ia diadakan adalah untuk mendedahkan dari segi teknologi penanaman dan pengeluaran produk yang dapat dihasilkan daripada gaharu.

Katanya, seminar anjuran bersama Seri Ratna Herbs Garden, Persatuan Gaharu Malaysia dan FRIM itu juga diadakan untuk memberi maklumat mengenai potensi gaharu sebagai salah satu sumber ekonomi sampingan.

"Kita juga ingin menggalakkan orang ramai agar mengusahakan tanah daripada terbiar dan mereka yang hadir terdiri daripada mereka yang berminat mengusahakan tanaman gaharu," katanya.

Headline **FRIM galak penanaman gaharu**
Date **16 Nov 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S14**
Article Size **342 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,881**
PRValue **5,643**



● Peserta Seminar Penanaman dan Perdagangan Gaharu 2009 khusyuk mendengar ceramah yang di sampaikan.



● Datuk Dr Abdul Rashid